

Carian MH370 mungkin ambil masa panjang, kata PM Australia
Malaysian Insider
12 Apr, 2014

Pencarian pesawat Penerbangan Malaysia MH370 berkemungkinan akan berterusan untuk satu tempoh yang lama, kata Perdana Menteri Australia, Tony Abbott pada Sabtu.

Kenyataan itu dibuat sehari selepas beliau menyuarakan keyakinan yang tinggi bahawa isyarat kotak hitam sudah dikesan, lapor AFP.

"Kami mempunyai tahap keyakinan bahawa data transmisi yang diambil adalah dari MH370," kata Abbott pada hari terakhir lawatannya ke China seperti dilapor agensi berita antarabangsa itu.

Tetapi katanya "tidak seseorang pun harus mempertikaikan kesukaran tugas mencari dan menyelamatkan yang dilakukan pihak berkuasa," katanya dalam pada sidang media yang disiarkan secara langsung di televisyen Sky.

"Ya, kami kecilkan kawasan carian namun tugas ini mungkin akan berterusan untuk masa yang lama," kata Abbott seperti dilapor AFP. – 12 April, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/carian-mh370-mungkin-ambil-masa-panjang-kata-pm-australia>